

Pelajar cemerlang diberi anugerah

NIK AMIRUL MU'MIN NIK MIN

PEKAN - Program Latihan Akademi empower ECER dengan kerjasama Universiti Malaysia Pahang (UMP) sebahagian program pembangunan modal insan yang bersifat inklusif dan holistik dilaksanakan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) di negeri ini.

Pengurus Besar UMP Advanced Education, Zainal Bahari berkata, keberkesanannya terbukti apabila pelajar yang mengikuti program dilaksanakan itu mampu melakarkan kejayaan yang membanggakan dalam peperiksaan UPSR, PT3 dan SPM menerima anugerah masing-masing yang disampaikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, kelmarin.

Menurutnya, kejayaan dilakarkan pelajar yang menyertai Program Latihan Akademi



Peserta Program Latihan Akademi empower ECER yang cemerlang dalam peperiksaan bergambar kenangan bersama Najib selepas menerima anugerah masing-masing.

ECER diiktiraf apabila 15 pelajar cemerlang peperiksaan UPSR, PT3 dan SPM menerima anugerah masing-masing yang disampaikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, kelmarin.

Penyampaian anugerah itu sempena lawatan Perdana

Menteri ke Loji Rawatan Air Ganchong, Pekan.

Beliau berkata, penerima terdiri pelajar yang menerima bantuan ECERDC melalui Program Latihan Akademi dengan kerjasama Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Seorang penerima anugerah, Choi Ah Bob Choi Ko

Onn, 18, berkata, Program empower ECER banyak membantunya dalam pelajaran bagi menghadapi peperiksaan SPM, tahun lalu.

Dia yang merupakan antara pelajar cemerlang Orang Asli di negeri Pahang berterima kasih kepada ECERDC dan UMP



Peserta Program Latihan Kemahiran dan Keusahawanan empower ECER turut menerima bantuan peralatan untuk memajukan perniagaan mereka.

serta guru-guru yang banyak membantunya dalam mengecapi kejayaan.

"Hari ini (kelmarin) kami menerima anugerah disampaikan perdana menteri sendiri dan ini suatu pengalaman manis yang tidak dapat dilupakan," katanya.

Dalam majlis sama, se-

ramai 10 peserta Program Latihan Kemahiran dan Keusahawanan empower ECER turut menerima bantuan peralatan untuk memajukan perniagaan mereka.

Antara bantuan peralatan yang diberikan termasuk mesin kimpalan, peti sejuk, ketuhtar dan generator.